

SMV Tengku Ampuan Afzan johan reka cipta

KUANTAN – Sekolah Menengah Vokasional (SMV) Tengku Ampuan Afzan berjaya membawa pulang dua anugerah dalam kategori Emas dan Anugerah Khas (Pereka Muda) dalam Pertandingan Reka Cipta dan Inovasi 2010 anjuran Universiti Malaysia Pahang (UMP), di sini baru-baru ini.

Sekolah dari Bentong itu memenangi kategori tersebut melalui projek reka cipta yang dinamakan "Smart Roller Paint".

Pengetuanya, Hashim Puteh berkata, pihak sekolah telah mengorak dan mencerna para guru serta pelajarnya supaya lebih aktif, berkreasi dan berinovasi dalam segala hal demi mencapai dan menjadi insan yang cemerlang.

"Setiap individu perlu mempunyai anjakan paradigma dalam diri masing-masing bagi menaikkan imej dan taraf institusi supaya lebih berprestij," katanya.

Pada pertandingan itu, sebanyak 70 projek reka cipta dan inovasi serta penyelidikan daripada sekolah menengah dan institusi pengajian tinggi (IPT) dipamerkan bagi merebut gelaran Anugerah Khas.

Sementara itu, Guru Reka Cipta, Kamaruddin pula berkata, projek yang mereka hasilkan dianggap istimewa kerana inovasi itu masih belum terdapat di pasaran dan keperluan penggunaannya dijangka amat meluas.

— UM (Myslelah) | Snn 22/11/10 - 28
sempena



TIGA pelajar yang mewakili SMV Tengku Ampuan Afzan bersama sijil dan dua anugerah yang dimenangi mereka pada Pertandingan Reka Cipta dan Inovasi 2010 anjuran UMP di Kuantan, Pahang, baru-baru ini.

"Kami menjalankan kajian ham-pir setahun bersama pelajar-pelajar Kelab Reka Cipta bagi menghasilkan peralatan seperti ini yang bersifat mesra pengguna, mesra alam, menjimatkan tenaga manusia serta kos kerja", jelasnya.

Katanya lagi, projek sekolahnya itu mampu digunakan di mana saja walaupun di kawasan pembinaan pedalaman yang tiada bekalan elektrik kerana alat ini direka khas dan boleh dikendalikan dengan kuasa bateri.